

JAWAPAN

Unit
8

Warga Prihatin Sekolah Sejahtera

Modul PBD

1. • Bersopan santun dan berbudi pekerti mulia
 - Bekerjasama bagi menjayakan sesuatu aktiviti
 - Saling menghormati antara satu sama lain
 - Bersikap prihatin dan saling menyayangi antara warga sekolah
 - Bertolak ansur untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan semua warga sekolah
 - Bertanggungjawab melaksanakan tugas dan kewajipan dengan sempurna
 - Berdisiplin, beretika dan patuh kepada peraturan dan undang-undang sekolah(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang sekolah
 - (b) Memantapkan kawalan keselamatan oleh pengawal sekolah
 - (c) Memastikan kemudahan dan peralatan sekolah berfungsi dengan baik
 - (d) Menyediakan suasana yang kondusif untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah
 - (e) Memastikan maklumat yang hendak disampaikan kepada warga sekolah dapat diterima dengan jelas dan cepat
 - (f) Memastikan persekitaran sekolah ceria, selesa, bersih dan cantik
 - (g) Mewujudkan kerjasama yang erat antara warga sekolah(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. Disiplin:

- (a) Murid sentiasa mematuhi peraturan sekolah
- (b) Masalah disiplin dan salah laku dalam kalangan murid berkurangan

Pembelajaran dan pengajaran:

- (a) Proses pembelajaran berjalan lancar
- (b) Murid dapat belajar dengan berkesan

Kebersihan, kesihatan dan keselamatan:

- (a) Warga sekolah berasa gembira, selesa dan selamat
- (b) Sekolah berada dalam keadaan yang bersih dan ceria

Pencapaian sekolah:

- (a) Murid mendapat keputusan yang cemerlang dan membanggakan dalam peperiksaan
- (b) Pencapaian aktiviti kokurikulum mengharumkan nama sekolah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. (a) (i) Bertanggungjawab dalam hal pengurusan, pentadbiran dan kewangan sekolah
 - (ii) Memastikan guru menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik
- (b) (i) Memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar
 - (ii) Mengawal disiplin murid
- (c) (i) Belajar dengan bersungguh-sungguh dan memberikan tumpuan semasa guru mengajar
 - (ii) Sentiasa mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan

- (d) (i) Menjaga keceriaan kawasan sekolah
 - (ii) Memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih
- (e) (i) Menjaga keselamatan kawasan sekolah
 - (ii) Mengawal lalu lintas di hadapan sekolah untuk mengelakkan kemalangan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. (a) Saya tidak akan menggunakan singki tersebut dan akan melaporkan hal tersebut kepada guru.
- (b) Saya akan menegur rakan dan mengajak rakan melintas jalan raya menggunakan khidmat pengawal lalu lintas demi keselamatan.
- (c) Saya akan menyuruh murid itu mengutip sampah itu semula dan membuangnya ke dalam tong sampah.
- (d) Saya akan menyertai aktiviti tersebut dengan membawa barang-barang yang boleh dikitar semula ke sekolah.
- (e) Saya akan meminta maaf daripada guru disiplin dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan itu lagi.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (a) (i) Memadamkan api kebakaran yang berlaku di sekolah
 - (ii) Memantau keselamatan kawasan sekolah
 - (iii) Memberikan arahan kepada murid tentang perkara yang tidak boleh dilakukan
- (b) (i) Memasang alat penggera kebakaran
 - (ii) Membersihkan asrama/ longkang/ kawasan sekitar
 - (iii) Mengelat bangunan sekolah
 - (iv) Menanam pokok hiasan

7. Gembira kerana warga sekolah dapat hidup dengan selesa, selamat dan sejahtera.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

8. • Menyediakan alat kawalan kebakaran di kawasan sekolah seperti pili bomba dan alat pemadam api
 - Menjaga pintu masuk sekolah dengan rapi pada setiap masa melalui khidmat pengawal keselamatan dan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)
 - Menyediakan pelan kecemasan seperti pelan larian ke padang dan pelan tangga kecemasan
 - Mempamerkan papan tanda tentang amaran bahaya di kawasan sekolah seperti amaran petir di padang sekolah dan bahan berbahaya di makmal sekolah
 - Meningkatkan tahap keselamatan di jalan-jalan berdekatan sekolah melalui kawalan trafik oleh pengawal keselamatan dan penyediaan lintasan belang

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Kurangnya didikan agama dan moral
 - Mudah terpengaruh oleh rakan-rakan
 - Kurangnya kasih sayang daripada ibu bapa
 - Ibu bapa mengabaikan anak-anak akibat sibuk mencari rezeki
2. • Mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa untuk membincangkan masalah disiplin yang dilakukan oleh murid
 - Mengenakan hukuman yang lebih berat seperti hukuman gantung sekolah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)